

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : SPEAK UP

First aid for choking children

The Sun, Page 10, Speak up

COMMENT

By Dr Shahrul Nizam Ahmad Zamzali

RECENTLY, the nation was shocked by the tragic news of a child's death from choking on chewy candy.

This incident serves as a stark reminder of the critical need for awareness about first aid in choking situations, especially among children.

Choking occurs when an object blocks the airway, preventing oxygen from reaching the brain.

Without sufficient oxygen, brain damage can begin within four minutes, and the situation can quickly become fatal.

What should you do if faced with such an emergency?

Stay calm

The rescuer should remain calm and act immediately. Learn the steps of first aid and seek professional help immediately. Bystanders can assist by calling emergency services at 999.

Recognising signs of choking

Signs that a child may be choking include:

- ☞ Persistent coughing without an obvious reason.
- ☞ Difficulty breathing or gasping for air.
- ☞ Wheezing sounds, similar to those heard in asthma patients.
- ☞ Panic and clutching the throat.
- ☞ Inability to speak or make sounds.
- ☞ Face turning blue or loss of consciousness.

Actions if the victim is still conscious:

Infants under one year old:

- ☞ Lay the baby face down along the rescuer's forearm, with the head lower than the body, and hold the baby securely. (pic)
- ☞ Using the other hand, give five back blows between the shoulder blades.



The public is encouraged to undergo first aid training as it may help save lives.

- ☞ Turn the baby over and check if the object has been expelled. If visible, carefully remove it without pushing it further in.
- ☞ If baby continues to show signs of choking, place two fingers at the centre of the chest and per-

form five chest thrusts.

- ☞ Repeat back blows and chest thrusts alternately until the object is expelled or the baby becomes unconscious.

Children aged one to 12 years:

- ☞ Ask the victim if they can speak or cough.
- ☞ If they are able to cough, encourage them to continue coughing strongly to expel the object.
- ☞ If the cough is weak or they cannot cough, give five back blows between the shoulder blades with the head positioned lower.
- ☞ If unsuccessful, perform abdominal thrusts (Heimlich manoeuvre) below the navel until the object is expelled.
- ☞ If the object is visible in the mouth, carefully remove it without pushing it further in.

If the victim is unconscious and not breathing:

- ☞ Lay the victim flat on the floor.
- ☞ Open the airway using the head-tilt, chin-lift technique.
- ☞ Check the victim's mouth and carefully remove any visible object.
- ☞ If the victim is still not breathing after the object is removed, give rescue breaths by blowing into their mouth for one second.
- ☞ Observe the chest for movement after each breath.
- ☞ Perform chest compressions if necessary.

First aid training

The public is encouraged to undergo first aid training as it may help save lives. With the right knowledge, individuals can act more confidently and effectively in emergency situations.

Preventive measures

Prevention is more important than treatment. Ensure that food is served in appropriate sizes and chewed properly. Children should be discouraged from playing or joking while eating. The responsibility for a child's safety lies with adults.

Assoc Prof (C) Dr Shahrul Nizam Ahmad Zamzali is a consultant emergency physician at KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital. Comments: letters@thesundaily.com

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan digesa pantau caj tinggi hospital swasta

Berita Harian, Page 14, Nasional

Kos rawatan lebih tinggi guna GL

Kajian Kementerian Kesihatan mendapati, ia cenderung meningkatkan kos rawatan lebih tinggi ke atas pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL) berbanding pesakit yang tidak menggunakan surat jaminan (pay-and-claim). Berdasarkan kajian, kos rawatan pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL) adalah lebih tinggi berbanding pesakit yang tidak menggunakan surat jaminan (pay-and-claim). Kajian ini dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kos rawatan pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL) berbanding pesakit yang tidak menggunakan surat jaminan (pay-and-claim).

Keratan akhbar BH, semalam.

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa memantau caj perkhidmatan hospital swasta yang didakwa semakin tinggi dan tidak munasabah sehingga membebankan pengguna.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohamad Yusrizal Yusoff, berkata walaupun pengguna sedar caj hospital swasta lebih tinggi berbanding hospital kerajaan, ramai yang tetap memilih mendapatkan rawatan di hospital swasta atas faktor keselesaan dan mengelak tempoh menunggu lama.

"Terdapat juga pengguna yang kurang yakin dengan perkhidmatan hospital kerajaan kerana beberapa isu yang sering berlaku di hospital berkenaan menyebabkan mereka beralih ke hospital swasta.

"CAKE juga pernah menerima aduan terdapat caj yang amat tidak munasabah dikenakan kepada pesakit, termasuk caj kaunseling oleh doktor yang mencecah hampir RM300," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Kementerian Kewangan mengesahkan, terdapat kes tertentu menunjukkan kos rawatan lebih tinggi dikenakan ke atas pesakit yang menggunakan surat jaminan (GL), berbanding pesakit membayar dahulu dan membuat tuntutan kemudi-

an (pay-and-claim).

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, dilaporkan berkata ia berdasarkan kajian dibuat ke atas bil tuntutan hospital swasta kepada pihak syarikat insurans dan pengendali takaful (ITO).

Mengulas lanjut, Mohamad Yusrizal berkata, pemantauan kerajaan terhadap caj rawatan hospital swasta dilihat masih lemah, sekali gus memberi ruang kepada penyedia perkhidmatan perubatan mengenakan bayaran tinggi tanpa kawalan.

"Setakat ini, tiada saluran khusus untuk pengguna membuat aduan berkaitan caj tinggi hospital swasta, malah tiada satu pun rang undang-undang yang menetapkan had caj yang boleh dikenakan.

"Pihak kami menerima banyak aduan daripada pengguna, tetapi menghadapi kesukaran

untuk menyalurkannya kepada pihak berwajib. Kebiasaannya, kami hanya mampu berbincang dengan pihak hospital dan dalam beberapa kes, berjaya mendapatkan pengurangan caj, namun jumlahnya tidak signifikan," katanya.

Beliau berkata, dalam kebanyakan situasi, pesakit yang tidak berpuas hati hanya mempunyai pilihan untuk membawa kes ke mahkamah bagi mendapatkan pembe-
laan, sesuatu yang tidak praktikal bagi kebanyakan pengguna.

"Kami mencadangkan agar kerajaan menetapkan harga siling bagi perkhidmatan hospital swasta, selain mewujudkan sistem tanda harga yang lebih telus untuk rujukan pengguna sebelum mendapatkan rawatan.

"Sebagai contoh, hospital swasta perlu menetapkan kadar caj yang selaras dengan penarafan bintang yang diberikan kepada mereka. Jika hospital mempunyai penarafan tinggi, maka mereka harus mempunyai garis panduan harga yang lebih jelas dan munasabah.

"Pada masa ini, pengguna hanya mengetahui jumlah bil selepas rawatan selesai dan ada yang akhirnya tidak mampu membayar sehingga disaman oleh pihak hospital. Keadaan ini tidak adil dan perlu diubah," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata cadangan mengenakan harga siling bagi hospital swasta seba-

gai langkah mengawal caj rawatan yang tidak munasabah adalah wajar.

"Dalam usaha membantu pengguna yang berdepan dengan caj tinggi hospital swasta, kami menggalakkan orang ramai menyalurkan aduan melalui media sosial seperti Facebook dan TikTok CAKE.

"Kami lebih gemar menggunakan media sosial sebagai saluran aduan kerana lebih mudah diakses dan lebih banyak maklumat dapat dikumpulkan secara langsung daripada pengguna.

"Orang ramai boleh melaporkan atau menghubungi kami terus dan kami akan mengesahkan maklumat melalui panggilan telefon sebelum mengambil tindakan selanjutnya," katanya.



Mohamad Yusrizal Yusoff

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

KPM, KPKT pantau ^{HMI, Page 6,} ^{lokal} jualan makanan ringan

Batu Pahat: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memantau penjualan makanan ringan di luar sekolah.

Ketua Pengarahnya, Azman Adnan berkata, kerjasama membabitkan langkah penguatkuasaan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikutan had kawasan pengawasan sekolah hanya meliputi radius 40 meter dari pagar utama.

Katanya, dalam konteks KPM, tiada apa-apa garis panduan yang berkaitan dengan penjualan di luar premis sekolah kerana jualan dalam premis hanya melalui kantin.

"Jadi, daripada segi peraturan dan undang-undang, kita hanya boleh menguatkuasakan undang-undang bagi radius 40 meter daripada pintu utama dan keseluruhan pagar sekolah.

"Lebih 40 meter sekiranya ada aktiviti penjualan oleh penjaja dan sebagainya, itu adalah bidang kuasa PBT dan KKM.

"Kita maklum KPKT dan KKM sudah mengeluarkan garis panduan berkaitan penjualan ini, jadi penguatkuasaannya memang kepada pihak berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Peluncuran Sekolah Digital (Santuni Madani) di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Telok, Parit Yani, di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Jumaat 28.02.2025

@hmetromy | HarijanMetro | @hmetromy | www.hmetromy.com.my 7

Harian Metro, Page 7, Lokal

lokal

KURANG FOKUS, HILANG SABAR

Petaling Jaya

ADHD, autisme perlu dikesan dan diberikan intervensi lebih awal

Kelewatan percambahan kanak-kanak, seperti masalah neurodevelopmental, termasuk Kecelaruhan Hiperaktif, Kurang Daya Tumpuan (ADHD) dan autisme memerlukan intervensi seawal mungkin bagi memastikan mereka dapat mencapai potensi perkembangan mereka.

Pakar Kanak-Kanak Hospital Pakar KPJ Damansara, Dr Charlotte Jane Joseph menjelaskan, kelewatan mengesan dan memulakan intervensi untuk kanak-kanak ini bukan sahaja mengakibatkan masalah pembelajaran malahan boleh menjajaskan perhubungan dengan keluarga dan rakan-rakan.

"Sebagai contoh, kanak-kanak yang mengalam ADHD, bukan sahaja sukar untuk menumpukan perhatian dalam aktiviti tugasan malahan menghadapi cabaran untuk menunggu giliran.

"Ada juga di kalangan mereka yang sukar untuk memahami yang berhabanya, seperti menoleh ke kiri dan ke kanan sebelum melintas jalan raya.

"Memulakan intervensi pada peringkat awal adalah penting untuk memastikan kejayaan kanak-kanak ini dalam menguruskan keperluan hariannya," katanya ketika ditemui di Hospital Pakar KPJ Damansara, di sini, baru-baru ini.

"ADHD adalah masalah kesukaran daya tumpuan, terlampau aktif dan impulsif di mana individu dengan ADHD cenderung melakukan sesuatu perkara secara terburu-buru.



Dr Charlotte Jane (diri) memberikan penerangan kepada keluarga pesakitnya di KPJ Damansara, Petaling Jaya.

"Manakala autisme pula merupakan masalah kecelaruan perkembangan kanak-kanak dalam kemahiran berkomunikasi dan bersosial, cenderung untuk melakukan perangai atau tingkah lain yang berulang-ulang, serta mempunyai julat minat yang terhad.

"Autisme boleh dikesan seawal peringkat bayi. Di antara simptom awal autisme termasuk, kekurangan kontak mata, tidak berkongsi minat dan kesukaran untuk bersosial," jelasnya lagi.

Manakala pengesanan ADHD pula agak mencabar kerana secara umumnya,

majoriti kanak-kanak adalah aktif.

ADHD lebih kerap dikesan di kalangan kanak-kanak pada umur persekolahan.

Mutakhir ini (umuh) kanak-kanak dengan masalah neurodiverse semakin meningkat berkaitan peringkat kesedaran di kalangan masyarakat.

Namun demikian, stig-

ma dan prasangka terhadap golongan kanak-kanak berkeperluan istimewa ini masih wujud dalam masyarakat.

Institusi itu, Dr Charlotte Jane menyarankan ibu bapa yang mempunyai kebimbangan adanya ciri-ciri ADHD, autisme atau kelewatan perkembangan dari segi peraturan, bersosial, pembelajaran, tingkah laku

atau sebagainya, yang terdapat pada anak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan penilaian awal kanak-kanak.

Menurut beliau lagi, Klinik Perkembangan Kanak-kanak (CDC) di Hospital Pakar KPJ Damansara kini menawarkan perkhidmatan untuk pengesanan awal bagi mengenalpasti punca lewat perkembangan dan memberikan diagnosis serta menyediakan pelan intervensi individu yang sewajarnya.

Dr Charlotte Jane menjelaskan, setiap kanak-kanak ADHD dan autisme akan diberikan pelan intervensi individu kerana

setiap kanak-kanak mempunyai keunikan dan kepintaran yang tersendiri.

Jelas beliau lagi, intervensi bagi individu dengan ADHD memberikan fokus kepada latihan untuk meningkatkan daya tumpuan mereka dalam melakukan sesuatu perkara.

"Bagi individu dengan autisme pula, program intervensi memfokuskan pada pencapaian kemahiran seperti kemahiran peraturan dan berkomunikasi, kemahiran bersosial, pengurusan sendiri serta latihan kegunaan kognitif dan persepsi.

Sehubungan itu, Dr Charlotte Jane menyarankan ibu bapa untuk mendapatkan perkhidmatan penilaian awal kanak-kanak di Hospital Pakar KPJ Damansara sekiranya mempunyai sebarang kebimbangan atau kemusykilan berkaitan perkembangan anak-anak.

Untuk membuat temu janji, ibu bapa boleh menghubungi Hospital Pakar KPJ Damansara di talian +603-7718 1000 atau melalui laman sesawang rasmi di <https://kpjhealth.com.my/charlotte-jane-joseph>.

Hospital Pakar KPJ Damansara mengemukakan reputasinya sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia dengan menawarkan rawatan komprehensif seperti onkologi, endoskopi, obstetri dan ginekologi, dan penuliharaan.

Hospital Pakar KPJ Damansara terus komited dalam menyediakan rawatan berkualiti tinggi berdasarkan keperluan individu, menjadikannya pilihan pertama untuk perkhidmatan kesihatan yang unggul.

"Memulakan intervensi pada peringkat awal adalah penting untuk memastikan kejayaan kanak-kanak ini dalam menguruskan keperluan hariannya"

Pakar Kanak-Kanak Hospital Pakar KPJ Damansara, Dr Charlotte Jane Joseph



Dr Charlotte Jane (diri) ketika sesi terapi bersama pesakitnya di KPJ Damansara, Petaling Jaya.



KLINIK Perkembangan Kanak-kanak (CDC) di KPJ menawarkan perkhidmatan untuk pengesanan awal bagi mengenalpasti punca lewat perkembangan kanak-kanak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

**BERKELAKUAN TIDAK
SENONOH DI TEMPAT KERJA**

Pegawai perubatan ditahan bantu siasatan

Georgetown: Seorang pegawai perubatan, dipercayai doktor, direman sehingga 2 Mac ini, bagi membantu siasatan kes berkelakuan tidak senonoh di tempat kerja.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad berkata, terdahulu, pihaknya menahan lelaki berusia 43 tahun itu di sebuah hospital di daerah ini, jam 9.30 malam, kelmarin.

"Suspek kini direman bagi membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-kesalahan Kecil 1955," katanya pada kenyataan, semalam.

Difahamkan, lelaki terbabit dipercayai berkelakuan tidak senonoh dengan orang awam.

**"Kes disiasat mengikut Seksyen 509
Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta
Kesalahan-kesalahan Kecil 1955"**

*Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten
Komisioner Abdul Rozak Muhammad*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia, Page 3, Dalam Negeri

KPM-PBT banteras gerai 'jajan' depan sekolah

Dari muka 1

Baru-baru ini, seorang murid Tahun Empat Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Butterworth, Mohammad Fahmi Hafiz Mohammad Fakhruddin, 10, meninggal dunia selepas tercekik gula-gula kenyal berbentuk mata yang dibelinya sebelum sesi persekolahan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Kanak-kanak itu pada mulanya mengalami sesak nafas akibat tercekik gula-gula berkenaan sebelum dikejarkan ke hospital dan berada dalam keadaan kritikal sebelum meninggal dunia.

Azman Adnan berkata, penguurusan sekolah juga sering mengingatkan para pelajar supaya membeli makanan yang dijual di kantin sekolah kerana ia adalah makanan dibenarkan untuk dijual kepada mereka.

"Dari sudut kesihatan, pihak kami komited melakukan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan supaya pengawasan sewajarnya dapat dilakukan," katanya.

Insiden yang menimpa Mohammad Fahmi Hafiz mendapat perhatian banyak pihak menyaksikan pasukan penyiasat Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menyita produk 'gummy' yang dijual di sebuah premis di Jalan Sungai Dua, Butterworth, pada minggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kesihatan negeri, Daniel Gooi Zi Sen berkata, pemeriksaan ke atas gerai-gerai di kawasan sekitar



AZMAN Adnan (kanan) beramah mesra dengan para pelajar pada Majlis Peluncuran Sekolah Digital di Sekolah Kebangsaan Seri Telok di Parit Yaani, Batu Pahat, semalam.

Sungai Dua juga telah dijalankan.

KKM turut mengambil langkah drastik mengarahkan platform jualan secara dalam talian untuk menghentikan penjualan gula-gula kenyal berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kementerian bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) bagi menghentikan penjualan gula-gula itu dalam platform dalam talian.

"Kita sudah mengarahkan platform Shopee dan TikTok untuk

menurunkan iklan yang menjual gula-gula kenyal itu.

"Kita juga mengarahkan PKD (Pejabat Kesihatan Daerah) seluruh negara untuk melakukan penguatkuasaan di premis fizikal dan merampas produk yang masih dijual," katanya.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pengguna turut menyuarakan pandangan meminta pihak berkuasa membanteras penjualan makanan ringan yang berisiko menyebabkan kanak-kanak tercekik.

Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), NV Subbarow berkata, pihak berkuasa perlu menghentikan sikap lepas tangan dalam menangani isu makanan ringan yang membahayakan kesihatan kanak-kanak.

"Kanak-kanak tidak tahu mengenai kualiti dan kandungan makanan yang mereka beli. Mereka tertarik dengan warna dan rasa manis sahaja. Oleh itu, perlu ada undang-undang ketat terhadap makanan yang dijual kepada kanak-kanak," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

UM, Page 10, Dalam Negeri

Kios telekesihatan beri manfaat kepada B40

KUALA LUMPUR: Projek konsep kios telekesihatan yang dilancarkan di Lembah Pantai bakal memberi manfaat kepada orang ramai termasuk golongan B40 untuk melakukan saringan Kesihatan.

Projek itu hasil kerjasama Big Pharmacy dan Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai dilancarkan oleh Menteri Komunikasi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil.

Kios itu ditempatkan di Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai, akan memberikan perkhidmatan kepada rakyat untuk memeriksa tahap kesihatan antaranya tekanan darah, paras gula, suhu badan serta Indeks Jisim Badan (BMI).

Fahmi berkata, kemudahan itu boleh digunakan oleh

masyarakat terutama golongan B40 untuk menjalani saringan kesihatan secara percuma.

Beliau turut mencadangkan Big Pharmacy meneroka Kerjasama dengan beberapa pihak lain termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk memperluaskan kemudahan itu ke kawasan luar bandar.

"Kios-kios seperti ini yang mempunyai pelbagai fungsi sangat mudah untuk dibawa ke lokasi-lokasi tertentu, terutama kawasan desa dan luar bandar.

"Mungkin kita boleh bekerjasama dengan Perkhidmatan Pintar Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di bawah MCMC," katanya pada majlis pelancaran projek itu, semalam.



FAHMI Fadzil berucap merasmikan Projek Kiosk Telekesihatan di Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai, semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia, Page 30, Dalam Negeri

Peniaga jajan hentikan penjualan gula-gula kenyal

BUTTERWORTH: Gerai-gerai menjual makanan ringan atau jajan khususnya berhampiran kawasan sekolah di sini masih beroperasi seperti biasa tetapi tidak lagi menjual gula-gula kenyal (gummy).

Peniaga yang ingin dikenali sebagai Fatimah mengakui, pernah menjual gula-gula itu sebelum ini, namun membuat keputusan menghentikan penjualannya selepas insiden seorang kanak-kanak meninggal dunia akibat tercekik.

"Kebetulan pula stok sudah habis dan memang saya sudah berniat untuk tidak menjualnya lagi.

"Buat masa ini, saya hanya menjual sosej, nuget, coklat

atau keropok-keropok biasa sahaja. Tidak ada makanan pelik-pelik, walaupun ramai budak sebenarnya suka membeli makanan seperti itu," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Dalam kejadian pada 19 Februari lalu, seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun meninggal dunia selepas mengalami sesak nafas dipercayai akibat tercekik gula-gula kenyal yang dibeli di luar kawasan sekolah di Sungai Dua di sini.

Kementerian Kesihatan (KKM) mengarahkan platform jualan dalam talian menghentikan penjualan *gummy* yang dikhuatiri menyebabkan kes itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata,

pihaknya bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memastikan pengiklanan gula-gula tersebut dihentikan.

Dalam pada itu, penduduk setempat yang ingin dikenali sebagai Ida, 45, berkata, gerai menjual jajan sememangnya popular dalam kalangan murid terutama anak-anak yang bakal mengikuti Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) pada sesi petang.

"Ramai juga budak-budak yang membeli makanan ringan, sementara menunggu ibu bapa mereka di hadapan sekolah. Kadang-kadang saya nampak ada juga ibu bapa yang turut membeli di gerai terbabit," katanya.



SEBAHAGIAN daripada makanan ringan yang dijual berhampiran sebuah sekolah rendah di Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang.
- UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia, Page 31, Dalam Negeri

Hilang punca pendapatan akibat diabetes kronik

LIPIS: Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Itu kesukaran yang terpaksa ditempuh sebuah keluarga di Kampung Putu, Mukim Cheka di sini apabila ketua keluarga itu terpaksa berhenti kerja akibat penyakit kencing manis kronik.

Mohamad Izani Mohd. Rozi, 48, berkata, sebelum ini dia bekerja di sebuah lombong emas di daerah ini sebelum berhenti kerja akibat penyakit tersebut.

"Saya menjalani pembedahan di bahagian kaki pada bulan Julai tahun lalu dan sejak itu tidak mampu lagi bekerja. Saya mendapat pembayaran Perkeso tapi dibayar lima bulan sahaja.

"Kini saya tidak ada lagi sumber pendapatan dan segala keperluan serta perbelanjaan keluarga bergantung sepenuhnya pada anak kedua yang bekerja sebagai penghantar barang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohamad Izani berkata, dia mengalami bengkak pada bahagian kaki kiri dan luka sehingga menyebabkan jangkitan kuman.

Katanya, dia juga demam beberapa hari sebelum ahli ke-



MOHAMAD Izani Mohd. Rozi menunjukkan kaki kirinya yang perlu dicuci akibat penyakit kencing manis kronik di Kampung Putu, Lipis, Pahang.

uarga membawanya ke Hospital Kuala Lipis untuk rawatan.

"Doktor yang merawat saya memaklumkan kencing manis sudah kronik sebelum meminta keizinan untuk memotong kaki sehingga paras lutut bagi mengelakkan berlakunya jangkitan kuman ke bahagian lain.

"Selepas mendengar cadangan doktor itu, saya rasa serba salah. Selepas berfikir panjang

saya minta doktor tangguhkan dulu memotong kaki dan minta mereka mencuci kaki saya.

"Sebahagian isi bahagian kaki perlu dibuang sehingga menampakkan tulang, jadi saya hanya mampu baring kerana kesan luka besar," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian melalui akaun Public Bank, 6929816820.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Sinar, Page 12, Nasional

Doktor berkelakuan tak senonoh direman

Ketika lakukan pemeriksaan jantung ke atas seorang pesakit wanita di sebuah hospital

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI GEORGE TOWN

Seorang pegawai perubatan ditahan selepas disyaki berkelakuan tidak senonoh terhadap seorang pesakit wanita di sebuah hospital di sini, pada malam Rabu.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul

Rozak Muhammad berkata, doktor berusia 43 tahun itu ditahan di tempat kerjanya pada jam 9.30 malam.

"Suspek telah berkelakuan tidak senonoh di tempat kerja terhadap mangsa yang berusia 21 tahun.

"Suspek kini direman empat hari bermula hari ini (Khamis) sehingga 2 Mac ini untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambah beliau, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

Difahamkan, mangsa telah



ke hospital berkenaan untuk pemeriksaan jantung yang mana, pemeriksaan telah dijalankan oleh suspek.

Suspek dikatakan meminta mangsa menanggalkan pakaian dan mangsa hanya menuruti permintaan suspek kerana menyangka ia adalah prosedur operasi standard (SOP) dalam pemeriksaan.

Ketika pemeriksaan tersebut, hanya mangsa dan suspek berada di dalam bilik tanpa kehadiran jururawat wanita.

Suspek juga didakwa bertindak mengunci pintu bilik ketika pemeriksaan dijalankan.

Doktor itu ditahan selepas pihak hospital mendapat maklumat berhubung kelakuan tidak senonohnya tersebut.

Mahkamah & Jenayah

ABDUL ROZAK

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

NASIONAL 15
JUMAAT 28 FEBRUARI 2025 • SINAR HARIAN

Sinar
Harian

Sinar, Page 15, Nasional

SJMC cipta sejarah

ACHS International Certificate Presentation Ceremony

Menjadi hospital pertama di Asia Pasifik menerima empat Pensijilan Pusat Kecemerlangan ACHSI

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SUBANG JAYA

Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) melakar pencapaian baharu dalam industri penjagaan kesihatan apabila menjadi hospital pertama di Asia Pasifik yang menerima empat Pensijilan Pusat Kecemerlangan daripada Australian Council on Healthcare Standards International (ACHSI).

Pensijilan ini mengiktiraf kecemerlangan SJMC dalam bidang kardiologi, gastroenterologi, pediatrik dan onkologi, menjadikan ia satu-satunya hospital di rantau ini disifatkan dalam pelbagai disiplin kepekaan.

Pencapaian itu bukan sahaja menunjukkan komitmen SJMC dalam menyediakan rawatan berkualiti tinggi, malah mengukuhkan kredibilitasnya sebagai peneraju sektor penjagaan kesihatan swasta di peringkat antarabangsa.

Rekod kecemerlangan bertaraf dunia

Pengiktirafan ini juga melengkapkan pencapaian luar biasa SJMC yang sebelum ini telah menerima pentauliah Joint Commission International (JCI) sebanyak tiga kali dan pentauliahan Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH) sebanyak enam kali.

Selain itu, SJMC juga salah satu daripada empat finalis utama Program Hospital Pelancongan Perubatan Utama 2023-2025, anjuran Majlis Pelancongan Perubatan Kesihatan Malaysia (MIPK), satu inisiatif yang disokong Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menjadikan negara ini sebagai pusat perancangan perubatan terkemuka dunia.

Proses pensijilan ACHSI menggunakan pawaian EQUiP7 Core dan Ambulatory Standards yang menilai hospital berdasarkan beberapa faktor utama termasuk pengalaman pesakit, kecekapan tenaga kerja, pengurusan kempunan, hasil rawatan yang boleh diukur serta pematuhan kepada standard keselamatan dan kualiti peragaan kesihatan yang tertinggi.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SJMC, Bryan Lin, pencapaian itu adalah bukti usaha berterusan hospital dalam meningkatkan taraf peragaan pesakit dan memperkukuhkan amalan berasaskan nilai yang memberi manfaat kepada pesakit daripada pelbagai latar belakang.

"Selama lebih 40 tahun, SJMC telah menjadi peneraju dalam industri penjagaan kesihatan swasta.

"Empat Pensijilan Pusat Kecemerlangan ini bukan sahaja satu pengiktirafan terhadap komitmen kami dalam menyediakan rawatan berkualiti tinggi tetapi juga dorongan untuk terus maju dalam bidang sains perubatan.

"Setiap pesakit yang datang ke SJMC berhak menerima penjagaan bertaraf du-

nia dengan keterangan fikiran sepenuhnya," katanya pada Majlis Peribendaraan Akreditasi Pusat Kecemerlangan Antarabangsa Majlis Pawaian Penjagaan Kesihatan (ACHS) SJMC di Subang Jaya di sini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif ACHSI, Louise Cuskelly berkata, akreditasi itu diberikan hanya kepada institusi penjagaan kesihatan yang telah membuktikan kecemerlangan dalam amalan perubatan, kualiti rawatan dan keselamatan pesakit.

"SJMC telah menunjukkan dedikasi yang luar biasa dalam memastikan penjagaan pesakit berada pada tahap tertinggi. Pensijilan ini bukan sekadar satu pengiktirafan tetapi juga satu jaminan bahawa hospital ini mematuhi pawaian global dalam aspek keselamatan, kualiti, dan kecekapan perubatan," ujarnya.

Malaysia sebagai pusat kecemerlangan penjagaan kesihatan

Sementara itu, Timbalan Pesauruhaya Tinggi Australia ke Malaysia, Simon Fellows yang turut hadir pada majlis itu memuji pencapaian SJMC yang disifatkan sebagai bukti kejayaan Malaysia dalam menyediakan penjagaan kesihatan bertaraf dunia.

Menurutnya, Malaysia terkenal dengan sistem penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan industri pelancongan perubatan yang berkembang pesat.

"Pencapaian SJMC ini bukan sahaja memperkukuhkan reputasi negara sebagai pusat rawatan utama di Asia tetapi juga membuktikan bahawa Malaysia mampu bersaing di peringkat global dalam menyediakan perkhidmatan perubatan yang unggul.

"Australia berbangga dapat menyokong usaha ini dan berharap untuk terus memperkukuhkan kerjasama dalam bidang penjagaan kesihatan antara kedua-dua negara," katanya.

SJMC turut disenaraikan dalam Newweek's World's Best Hospitals 2025 and Best Specialist Hospitals APAC 2024, sekali lagi mengukuhkan ke-

dukutannya sebagai salah satu hospital terbaik di rantau Asia Pasifik.

Tujuh bidang kepekaan yang mendapat pengiktirafan ini termasuk kardiologi, pediatrik, onkologi, endokrinologi, neurologi dan ortopedi.

Inovasi, teknologi terkini

Komitmen SJMC terhadap penjagaan pesakit bukan sahaja tertumpu kepada penyampaian rawatan berkualiti tetapi juga kepada penggunaan teknologi dan inovasi terkini dalam bidang perubatan.

Hospital ini menawarkan pelbagai teknologi canggih untuk meningkatkan keberkesanan rawatan dan memperbaiki pengalaman terbaik kepada pesakit.

Antara teknologi utama yang digunakan termasuk Radsact-X9 Tomotherapy dengan Synchrotron dan ExaTrac-Dynamic yang membolehkan rawatan radioterapi dilakukan dengan ketepatan tinggi untuk pesakit kanser.

Sistem CARTO 3 menyediakan pengimejan jantung lanjutan bagi pesakit kardiologi, manakala wed jagaan harian kono pediatrik yang direka khusus untuk memperbaiki penjagaan kulit pesakit masa kanak-kanak.

Pertambahan infrastruktur dan teknologi itu menunjukkan usaha berterusan SJMC dalam memperbaiki penjagaan pesakit yang lebih holistik dan berkesan, sejajar dengan visinya menjadi hospital swasta terbaik di rantau ini.

Masa depan penjagaan kesihatan

Sebagai salah satu hospital swasta terkemuka di Malaysia, SJMC terus berusaha meningkatkan taraf perkhidmatannya melalui inovasi, latihan profesional yang berterusan dan pematuhan kepada pawaian antarabangsa dalam aspek keselamatan serta kualiti rawatan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan kepekaan yang ditawarkan oleh SJMC boleh melayari laman sesawang rasmi <https://sinarjayamedicalcentre.com>.

Simon Fellows (tiga dari kanan), Bryan Lin (empat dari kanan) dan Louise Cuskelly (kanan) melawat pameran yang diadakan di ACHS International Certificate Presentation Ceremony pada Khamis.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

Sinar, Page 27, Negeri

Perketat penguatkuasaan suntikan antitifoid, elak keracunan makanan

KUALA TERENGGANU - Pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa memperketatkan penguatkuasaan terhadap pematuhan suntikan tifoid bagi memastikan makanan di bazar Ramadan terjamin dan selamat sebelum dijual kepada pengguna.

Pensyarah Mikrobiologi dan Keselamatan Makanan, Toksikologi Makanan Halal dan Haram, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof Madya Ts Dr Mohd Adzim Khalili Rohin berkata, langkah itu perlu diambil bagi mengelak berlakunya kes keracunan makanan setiap kali Ramadan.

Menurutnya, terdapat peniaga yang mengabaikan keperluan suntikan tifoid susulan masalah kurang kesedaran atau ingin mengelak penambahan kos dalam pemiagaan.



MOHD ADZIM

"Suntikan anti-tifoid bukan sekadar syarat wajib tetapi langkah penting dalam mencegah penyebaran penyakit. Jika semua peniaga mematuhi, risiko jangkitan dapat dikurangkan secara drastik.

"Tifoid berpunca daripada bakteria salmonella typhi yang boleh merebak melalui makanan atau air tercemar sehingga menyebabkan komplikasi kesihatan serius seperti jangkitan usus yang boleh membawa maut jika tidak dirawat segera," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sehubungan itu Mohd Azim Khalili berkata, pemeriksaan berkala dan penguatkuasaan ketat perlu dilakukan agar tiada peniaga yang mengambil mudah aspek keselamatan makanan demi kesejahteraan pengguna.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kosmo, Page 4, Negara
Pegawai

perubatan buat onar, sentuh pesakit wanita

GEORGE TOWN - Seorang pegawai perubatan sebuah hospital di negeri ini ditahan selepas disyaki melakukan perkara tidak senonoh di tempat kerjanya.

Difahamkan, kejadian yang berlaku pada malam kelmarin membabitkan pesakit wanita berusia 21 tahun yang mendakwa diperlakukan demikian oleh suspek.

Suspek dipercayai memperdaya dan melakukan perbuatan itu terhadap mangsa semasa wanita tersebut menjalani pemeriksaan jantung.

Suspek dikatakan menyuruh mangsa membuka pakaian tanpa kehadiran jururawat wanita dan wanita tersebut mengikut arahan pegawai tersebut kerana menyangka ia adalah prosedur operasi standard (SOP) untuk pemeriksaan jantung.

Suspek turut mengunci bilik ketika melakukan pemeriksaan terhadap mangsa. Lelaki itu kemudian ditangkap di tempat kerjanya.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Abdul Rozak Muhammad berkata, suspek berusia 43 tahun ditangkap pukul 9.30 malam.

"Pegawai itu ditahan reman selama empat hari bermula hari ini (semalam) sehingga 2 Mac ini bagi membantu siasatan," katanya. Kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

NEGARA! 13

Kosmo - Page 13, Negara.

Pantau jualan 'jajan' depan sekolah

- KPM jalin kerjasama banteras jualan makanan ringan berbahaya
- Lebih 40 meter dari pintu sekolah tugas PBT

Oleh ADNAN IBRAHIM

BATU PAHAT – Kementerian Pendidikan (KPM) akan menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membanteras aktiviti penjualan termasuk makanan ringan atau 'jajan' terutama yang boleh membahayakan pelajar di hadapan sekolah seluruh negara.

Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan berkata, langkah ini perlu kerana Kementerian hanya bertanggungjawab ke atas jualan di kantin sekolah di samping memastikan tiada sebarang aktiviti jualan dilakukan sekitar 40 meter dari kawasan sekolah.

Katanya, pihaknya percaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPRT) serta Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengeluarkan garis panduan sewajarnya untuk mengatasi masalah penjualan makanan tidak sihat di kawasan sekolah.

"Dari sudut peraturan dan undang-undang, KPM hanya boleh menguatkuasakan larangan penjualan 40 meter dari pintu utama dan keseluruhan pagar sekolah.

"Jika ada aktiviti jualan yang berada di luar kawasan dari jarak itu, ia adalah di bawah tanggungjawab PBT," katanya ketika mengulas mengenai penjualan makanan di luar kawasan sekolah selepas Peluncuran Sekolah Digital di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Telok di Parit Yaani di sini



AZMAN (kanan) beramah mesra dengan pelajar pada Majlis Peluncuran Sekolah Digital di SK Seri Telok di Parit Yaani, Batu Pahat semalam.

Gummy ball berlambak di pasaran

KERATAN KOSMO! 22 Februari 2025.

di lima buah sekolah rendah di Sabah dan sebuah sekolah di Johor.

Katanya, SK Pulau Aman di Pulau Pinang turut akan disenaraikan sebagai Sekolah Digital.

"Bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan pendidikan digital memerlukan perancangan teliti, sumber yang mencukupi dan pembangunan profesional berterusan untuk para pendidik.

"Adalah penting untuk menangani jurang digital dan memastikan semua murid mempunyai akses kepada teknologi dan sumber pendidikan digital berkualiti tinggi," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA



FAHMI memeriksa tekanan darah di kiosk tele-kesihatan di pejabatnya di Pantai Hillpark, Kuala Lumpur semalam.

Kiosk tele-kesihatan bantu B40 saring kesihatan

KUALA LUMPUR – Kiosk tele-kesihatan merupakan satu kemudahan yang boleh dimanfaatkan masyarakat terutama golongan B40 dalam membuat saringan kesihatan secara percuma.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil berkata, melalui kemudahan itu, orang ramai dapat mengetahui tahap kesihatan mereka selain mengenali pasti sama ada terdapat keperluan untuk mendapatkan khidmat nasihat atau rawatan dengan pakar perubatan.

"Setidak-tidaknya beberapa maklumat asas (mengenai pesakit) telah dapat dikumpulkan dan di situ memudahkan doktor untuk melakukan tindakan lanjut," katanya selepas merasmikan Projek pembuktian konsep (POC) kiosk tele-kesihatan dengan kerjasama Big Pharmacy di pejabatnya di Pantai Hill-

park, di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau turut meminta supaya pihak Big Pharmacy mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk melihat bagaimana kedua-dua pihak boleh berkolaborasi.

"Ini kerana kita lihat kiosk seperti ini yang pelbagai fungsi sangat mudah untuk bawa ke lokasi-lokasi terutama di kawasan desa, kawasan luar bandar dan mungkin kita boleh bekerjasama dengan Perkhidmatan Pintar Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) bawah MCMC," katanya.

Terdahulu, kiosk tele-kesihatan itu boleh digunakan untuk memeriksa berat badan, ketinggian, Indeks Jisim Badan (BMI), tekanan darah dan juga komposisi badan.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : DUNIA

Kosmo' Page 34, Dunia

AS catat kematian pertama demam campak

AUSTIN, TEXAS – Kematian pertama dalam tempoh satu dekad akibat wabak demam campak di Amerika Syarikat (AS) dicatatkan di negeri Texas, lapor agensi berita *United Press International* kelmarin.

Kematian itu direkodkan di Lubbock, melibatkan kanak-kanak yang tidak menerima suntikan vaksin.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) berkata, setakat ini, seramai 124 orang disahkan menghidap penyakit itu dengan 18 dimasukkan ke hospital.

Pegawai-pegawai kesihatan

memberi amaran tentang kemungkinan berlakunya pendedahan kepada virus campak di beberapa lokasi pelancongan, dua universiti awam dan kedai serbaneka popular, Bu-ee's.

CDC dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Negeri Texas memberitahu saluran berita *NBC News* bahawa ujian genotip mengaitkan strain campak kepada strain dipanggil D8. Ia kini tersebar di Eropah dan timur Mediterranean.

Menurut CDC, kadar vaksinasi Texas untuk demam campak adalah pada tahap 94.3 peratus. Ia berada di bawah paras 95

peratus yang menurut pakar-pakar, diperlukan untuk mewujudkan 'kekebalan kumpulan' bagi melindungi mereka yang divaksin dan tanpa vaksin.

Virus campak boleh bertahan di ruang udara sehingga dua jam, manakala gejala boleh bermula antara tujuh hingga 21 hari selepas pendedahan.

Texas telah memerangi wabak demam campak sejak bulan lalu.

CDC berkata, kes campak turut dilaporkan di negeri Alaska, California, Georgia, New Jersey, New Mexico, Bandar Raya New York, Rhode Island dan Texas.

—AGENSI